



2023

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?



<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/uitm-mukah-bulletin>

HIGHLIGHTS:

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena
Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak
Terima Kasih Mantan Penolong Rektor dan
Selamat Datang Penolong Rektor Baharu
Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak
Rekod Kayuhan Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

TABLE OF CONTENT

From Rector's Desk	01
From Assistant Rector's Desk	02
Editors' Note	03
Editorial Board	04
Highlights	05
News and Articles	09
Creative Writing	64
Congratulations!	66
Press and Media Coverage	81

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Jamali

Advisor

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Managing Editor

En Mohamad Musa Bin Bohari

Chief Editor

En Yahutazi Bin Chik

Deputy Chief Editor

Editors :

Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin

Pn Suffina Binti Long

Pn Nur Nadia Qausar Binti Juhari

Cik Stefanie Natasha Rich Joseph

En Shileyusken Mijen

Webmaster

Pn Irene Binti Seluroh

Layout & Design

En Mohamd Shafik Bin Mohd Samsi

Corporate and Communication Unit

Published By

Corporate and Communication Unit, UiTM Mukah

eISSN : 2976-257X

Published Date : 16 November 2023

NEWS AND ARTICLES

HPD221: Program SULAM Sesi Mac - Ogos 2023

Penulis: Siti Faridah Kamaruddin

MUKAH: SULAM atau *Service-Learning Malaysia: University for Society* merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggabungkan objektif pembelajaran kursus dengan khidmat komuniti yang melibatkan pelajar berinteraksi dengan komuniti bagi menyelesaikan permasalahan setempat dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang mereka pelajari di bilik kuliah. Sebanyak tiga program SULAM telah diadakan sepanjang semester Mac hingga Ogos 2023 bagi kod HPD221 di bawah kendalian jurulatih, Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin.

Program webinar SULAM yang pertama telah diadakan pada 17 Jun 2023. Topik yang menjadi pilihan pelajar adalah kepelbagaian bangsa di Sarawak yang menyasarkan penyertaan pelajar UiTM seluruh Malaysia. Antara keunikan bangsa yang dipamerkan semasa webinar ini adalah Melayu Sarawak, Iban, Melanau Dalat, Bidayuh dan Kayan. Pelajar kelihatan sangat teruja untuk berkongsi mengenai budaya yang diwarisi mereka. Pelajar telah memilih untuk membincangkan topik seperti adat perkahwinan, adat kematian, dan bahasa untuk setiap bangsa tersebut. Webinar ini amat menarik kerana pelajar mampu mengaplikasikan platform Quizizz bagi menguji para peserta mengenai bahasa-bahasa yang mereka pelajari dari webinar ini.

Fokus penganjuran webinar SULAM yang kedua pula adalah untuk meningkatkan pengetahuan mengenai Bahasa Arab. Webinar ini telah dijalankan pada 23 Jun 2023 dan pelajar telah menjemput Puan Afifah Binti Azmi sebagai pensyarah tamu. Program ini menyasarkan pelajar pra-diploma, semester satu dan semester dua bagi mendedahkan kepada pelajar akan kepentingan dan kebaikan mempelajari Bahasa Arab. Setelah menyertai webinar ini, kebanyakan peserta menyedari bahawa konsep bahasa seperti Bahasa Inggeris mahupun Bahasa Mandarin tidak lari dari ciri-ciri tatabahasa yang tersendiri. Contohnya, jika Bahasa Inggeris mempunyai lapan komponen Parts of Speech, Bahasa Arab pula mempunyai tiga belas! Menerusi webinar ini juga, penguasaan perkataan mudah dalam Bahasa Arab telah diuji menggunakan platform Quizizz.

KEPELBAGAIAN BANGSA DI SARAWAK
JUH KENALI ETNIK DI SARAWAK!

BARISAN PANEL

IMBAS QR KOD INI UNTUK MENYERTAI WEBINAR

10 pagi - 12 tengahari
17 Jun 2023
Webex

Panelists: NUR ROHADATULAH, VENUSUNDE, CHAROLYN, NUR HAFIZ AZIZ, EIRENE SULAM TUDOK

"HOW TO GET SIDE INCOME?"
Earning extra income can be your saving grace.

Organized by HPD221 Public Speaking Club

Platform: NUR SYAFIQAH, VICTORIA JACK, RICHIE MASON, CLARA, TASHA

24 JUNE 2023 10 AM - 12 PM

Webinar Dalam Talian BAHASA ARAB
MENINGKATKAN PENGETAHUAN MENGENAI BAHASA ARAB

SEMUA PRA DIPLOMA, SEMESTER 1 & 2 YANG MENGAMBIL SUBJEK BAHASA ARAB DIWAJIBKAN UNTUK MENYERTAI WEBINAR INI.

TETAMU JEMPUTAN: PUAN AFIFAH BINTI AZMI, KHAIROLAMIRIN BIN YUSOP

PENSYARAH BAHASA ARAB UI TM MUKAH
MODERATOR

PERCUMA UNTUK SEMUA

JUMAAT 23 JUN, 2023
MASA 2.30 PM - 4.30 PM
UITM CAWANGAN SARAWAK KAMPUS MUKAH, KM 7, S. JALAN OYA, 94400 MUKAH, SARAWAK

IKUTI KAMI:
DANIEL JABU: +60 11-1410 0628
KHAIROLAMIRIN: +60 12-977 5267